

Konflik Kaum Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu: Kajian Awal

Berasaskan Sumber Lisan

Mohamed Ali bin Haniffa

Pusat Pengajian Umum,
College of Arts and Sciences (CAS),
Universiti Utara Malaysia,
Kedah, Malaysia.
m.ali@uum.edu.my

Abstrak

Artikel ini mengemukakan mengenai polisi *divide and rule* British yang telah membawa kepada pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Peminggiran mengikut zon kemakmuran ekonomi telah membawa kepada ketidakseimbangan ekonomi dan pengagihan kekayaan di antara etnik. Pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu telah memberikan ruang kepada komunis Bintang Tiga melakukan kezaliman khususnya ketika proses melegitimasi kuasa mereka. Polarisasi perkauman yang telah disuburkan oleh tentera Jepun telah membawa kepada tercetusnya konflik perkauman yang melibatkan orang Melayu dan Cina. Orang Melayu yang telah dizalimi oleh komunis mula bergantung kepada ulama, pemimpin agama dan tempatan bagi mempertahankan kelangsungan hidup mereka. Golongan ulama memanifestasikan jihad dan *sabilillah* sebagai tindakan terakhir dalam usaha mempertahankan kelangsungan hidup mereka. **Kajian ini menggunakan** sumber lisan dalam memberikan gambaran awal kepada meletus dan merebaknya konflik perkauman di Tanah Melayu berikutan pengunduran tentera Jepun. Di samping itu, menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, melibatkan dokumen dan fail. Hasil kajian mendapati bahawa kuasa kolonial telah merencanakan ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu sehingga meletusnya konflik perkauman yang terburuk dalam sejarah Malaysia. Kajian ini juga membuktikan bahawa perjuangan orang Melayu menentang komunis telah mencetuskan nasionalisme dan lebih bersifat untuk membebaskan tanahair.

Kata kunci: Masyarakat majmuk, *divide and rule*, Komunis Bintang Tiga, *sabilillah*